



INILAH RUMAH BAYANGAN SYURGA

Setelah bermusafir sekian lama atau selepas penat seharian bekerja, kita ingin segera pulang ke rumah. Kita ingin berehat dan menikmati suasana yang nyaman dan tenang. Aman dan tenteram. Ini fitrah manusia justeru di rumahlah tempat kita melepaskan segala kelelahan dan ketegangan. Seperti ikan pulang ke lubuk, seperti burung balik ke sarang, maka begitulah setiap manusia yang pulang ke rumahnya.

Seorang sahabat Rasulullah s.a.w., Sayidina Jabir ingin segera pulang ke rumahnya selepas keluar berjihad bersama Rasulullah. Melihat keadaan Jabir yang ingin segera pulang, Rasulullah bukan sahaja simpati, malah empati kepada sahabat Baginda yang baru bernikah itu. Baginda memberi kayu yang sering digunakan kepada Jabir buat menunggang untanya. Dengan barakah pemberian Rasulullah itu, unta Jabir pun bergerak lebih cepat. Rasulullah berpesan agar Jabir jangan tergesa-gesa pulang ke rumah sebaik tiba di Madinah.

Jabir dinasihatkan agar menanti sehingga waktu malam, agar isterinya sempat berhias dan merapikan diri. Sesetengah riwayat menyatakan bahawa Rasulullah sempat berdoa agar mereka berdua mendapat keturunan yang soleh hasil pergaulan suami isteri pada malam tersebut.

Begitulah peranan dan kepentingan sebuah rumah. Rumah ialah medan sebuah rumah tangga yang menjadi nukleus atau tonggak sebuah generasi. Di rumahlah tempat pembinaan sebuah keluarga Islam yang menjadi mata rantai pertama sebelum tertegaknya masyarakat dan negara Islam. Jangan mimpi untuk mengislamkan sebuah masyarakat atau negara, sekiranya rumah sendiri gagal diislamkan.

Aman

Kepentingan rumah dalam kehidupan beragama banyak kali ditegaskan Allah dalam al-Quran. Allah sendiri menyatakan bahawa Dia meletakkan Kaabah sebagai rumah-Nya. "Dan ingatlah ketika Kami menjadikan rumah (Kaabah) tempat berkumpul yang aman buat manusia." (Al-Baqarah 2: 125)

Ayat ini bukanlah menunjukkan Allah memerlukan rumah sebaliknya untuk menunjukkan betapa mulianya Kaabah sebagai tempat berkumpul yang aman, tenang dan tenteram. Itulah ciri utama sebuah rumah yakni aman.

Allah juga menunjukkan betapa rumah memainkan peranan penting dalam kehidupan Nabi Muhammad. Allah berfirman: "Wahai orang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajiannya. Tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah, kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah kamu duduk bersenang-senang sambil berbual-bual." (Al-Ahzab 33: 53)

Dalam ayat ini Allah mendidik para sahabat agar menghormati 'privacy' Nabi Muhammad apabila bertamu di rumah Baginda. Rumah dalam konteks ini ialah tempat Rasulullah menikmati waktu berkualitas bersama anggota keluarga Baginda dan Allah mendidik para sahabat agar menghormati waktu itu. Ihi menunjukkan rumah mestilah sebuah tempat yang sangat peribadi dan semua orang mesti menghormati hak itu.

Bukan sahaja kepada Rasul-Nya, Allah juga menunjukkan kepada manusia betapa pentingnya rumah sebagai tempat hamba-hamba-Nya mendapat ketenangan dan ketenteraman. Firman Allah: "Mereka memahat sebahagian daripada gunung-ganang sebagai tempat tinggal dalam keadaan aman." (Al-Hijr 15: 82)

Sekali lagi dalam ayat ini, fungsi utama sebuah rumah adalah untuk memberi rasa aman kepada penghuninya.

Dengan wang kita boleh membeli rumah (house) yang mahal tetapi kita tidak boleh membeli kediaman (home) yang aman.

Luas dan Lapang

Oleh sebab rumah begitu penting dalam kehidupan maka Rasulullah berdoa: "Ya Allah! Ampunilah dosaku, luaskanlah rumahku, berilah barakah dalam rezekiku." (Riwayat al-Nasa'i)

Maksud lapang dalam hadis itu bukan sahaja dari segi keluasan fizikal atau materialnya, tetapi juga merujuk kepada kelapangan hati, perasaan dan minda penghuni rumah tersebut. Lapang di sini bukan sahaja membawa maksud "senang" tetapi lebih penting lagi bermaksud "tenang."

Rasulullah juga bersabda: "Termasuk kebahagiaan seseorang Muslim di dunia ialah tetangga yang baik, rumah yang lapang dan kenderaan yang selesa." (Riwayat Ahmad)

Secara sepintas lalu ketiga-tiga unsur yang disebut oleh Rasulullah itu sangat berkaitan dengan rumah. Bukankah lokasi rumah menentukan siapa jiran kita? Dan tentu sahaja

kenderaan kita diletakkan di rumah kita.

Rumah dibina dengan kayu, batu, simen dan konkrit. Tetapi rumah tangga dibina dengan kasih sayang, cinta, kemesraan, rindu dan sifat-sifat mahmudah yang lain. Rumah yang terbaik ialah rumah yang sangat kondusif untuk membina sebuah rumah tangga. Maksudnya infrastruktur, susun atur, reka bentuk dan lain-lain sangat membantu untuk membina suasana yang harmoni, aman dan tenteram.

Mesra Ibadah

Rumah itu tidak semestinya besar, mahal dan mewah tetapi cukup sekadar mempunyai prasarana yang mampu ditegakkan kehidupan yang berlandaskan akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Besar atau kecil, mahal atau murah, cantik atau sederhana bukanlah faktor yang utama, tetapi cukup sekadar mempunyai jumlah bilik tidur yang khusus untuk ibu bapa, anak lelaki dan anak perempuan, ruang untuk solat, perpustakaan mini selain keperluan asasi seperti bilik air, ruang tamu dan dapur.

Rumah Rasulullah sendiri, walaupun sangat sederhana tetapi cukup menampung keperluan anggota keluarganya untuk beribadah. Tidak ada unsur kemewahan apatah lagi pembaziran pada rumah tersebut. Namun, rumah itu lebih lapang daripada mana-mana istana, vila dan bango milik mana-mana sultan dan hartawan dunia kerana di situ ada kasih-sayang, qiamullail, percaya mempercayai, doa mendoakan antara anggota keluarganya.

Bertanyalah pada hati sendiri, apakah kepenatan bertukar menjadi keheratan, kebimbangan menjadi ketenangan dan kita boleh menjadi diri kita sendiri sebaik melangkah ke dalam rumah? Jika jawapannya ya, maka benarlah itu rumah kita.

Sebaliknya jika jawapannya tidak, maka rumah itu belum lagi menjadi rumah kita walaupun kita memiliki gerannya. Begitu kerap diungkapkan, dengan wang kita boleh membeli rumah (house) yang mahal tetapi kita tidak boleh membeli kediaman (home) yang aman. ☺

Untuk bacaan lanjut berkaitan hukum-hukum dan tip berkaitan rumah, dapatkan Al-Ustadz isu 28 dan buku Mudah-mudahan Mengemas Rumah terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.

